

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang 1993/94**

**Oktober - November 1993**

**ATP 300 - UNDANG-UNDANG SYARIKAT DAN KONTRAK**

**Masa : [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

**BAHAGIAN A**

1. Bincangkan jika keadaan-keadaan yang tercatat di bawah ini merupakan suatu tawaran atau invitasi untuk membuat tawaran (invitation to treat).

- (a) pameran barang-barang untuk dijual.
- (b) iklan.

[25 markah]

2. Tuliskan esei ringkas berkenaan dengan 5 daripada perkara berikut:

- (a) niat untuk membuat perhubungan yang sah.
- (b) tawaran.
- (c) penerimaan.
- (d) pembalasan.
- (e) salah nyata.
- (f) fasal pengecualian liabiliti.
- (g) keupayaan mengikuti undang-undang.
- (h) pengaruh tak berpatutan.
- (i) kontrak tidak sah/haram.

[25 markah]

...2/-

3. Apakah yang telah diputuskan di kes-kes Hartley V Ponsonby dan Stilk V Myrick? Apakah perbezaan di antara kedua-dua kes tersebut?

[25 markah]

4. Pak Pandir telah menyewa suatu ladang getah kepada Pak Tani dengan kadar RM2000 sebulan. Perjanjian tersebut adalah untuk 5 tahun. Pak Tani telah berusaha di ladang getah tersebut dan telah menikmati keuntungan yang baik untuk 12 bulan dan telah membayar sewa RM2000 tanpa gagal. Malangnya, selepas 12 bulan oleh kerana ancaman komunis, Pak Tani tidak boleh berusaha di ladang getah tersebut dan tidak mampu untuk membayar sewanya. Pak Pandir yang tahu kesusahan Pak Tani telah berkata:

"Bagi RM1000 sebulan cukuplah. Kalau sudah senang nanti bolehlah bayar RM2000 semula".

Pak Tani sudah membayar RM1000 untuk 6 bulan tetapi keadaan sudah kembali ke asal kerana ancaman komunis telah dimusnahkan. Pak Pandir sekarang mahukan sewa penuh dan juga baki RM1000 untuk 6 bulan tersebut. Nasihatkan Pak Tani.

[25 markah]

#### BAHAGIAN B

5. Apakah perbezaan di antara sebuah perniagaan tunggal, perkongsian dan syarikat? Apakah kelebihan sebuah syarikat?

[25 markah]

6. Apakah prinsip yang telah diputuskan dalam kes Soloman V Soloman dan Lee V Lee's AIR Farming Ltd.? Nyatakan jika terdapat sebarang pengecualian bagi prinsip tersebut.

[25 markah]

7. Ah Seng dan Mutu baru menjadi ahli Syarikat Leceh Sdn. Bhd. Kedua-dua mereka tidak tahu langsung akan hak mereka sebagai ahli Leceh Sdn. Bhd. Anda sebagai seorang peguamcara dikehendaki menasihati Ah Seng dan Mutu tentang hak-hak mereka sebagai ahli di Leceh Sdn. Bhd.

[25 markah]

8. Berdasarkan kepada kes-kes yang telah diputuskan, bincangkan kedudukan dan fungsi seorang pengarah syarikat.

[25 markah]

---oooOOOooo---